

## TERMA PENGGUNAAN LAMAN WEB

Selamat datang ke laman web Virtual Nurse. Laman web ini adalah milik Pfizer (Malaysia) Sdn Bhd (“Pfizer”). **Sila baca dan semak Terma Penggunaan ini dengan teliti sebelum mengakses atau menggunakan laman web ini. Dengan mengakses atau menggunakan laman web ini, anda mengakui bahawa anda telah membaca, memahami dan bersetuju dengan Terma Penggunaan ini. Jika anda tidak bersetuju dengan Terma Penggunaan, anda tidak boleh mengakses atau menggunakan laman web ini.** Pfizer boleh mengubah Terma Penggunaan ini dari semasa ke semasa, jadi anda harus menyemak Terma Penggunaan ini secara berkala kerana sebarang perubahan akan berkuat kuasa sebaik sahaja ia disiarkan di laman web ini.

1. **Penggunaan Laman Web.** Akses anda kepada dan penggunaan maklumat yang terkandung dalam laman web adalah tertakluk kepada Terma Penggunaan ini. Anda bersetuju untuk bertindak tanpa melanggar undang-undang pada setiap masa dalam menggunakan dan mengakses laman web ini dan anda tidak akan melakukan apa-apa yang merosakkan, mengganggu, menghalang akses kepada, mencegah atau menjelaskan kefungsian laman web ini atau menghalang pengguna lain dari menggunakan laman web ini.
2. **Kandungan.** Anda bersetuju bahawa akses dan penggunaan laman web ini dan kandungannya adalah atas risiko anda sendiri. Pfizer boleh menambah, mengubah atau memadam bahan dari laman web ini pada bila-bila masa mengikut budi bicaranya. Pfizer akan menjalankan usaha yang munasabah untuk memasukkan maklumat yang tepat dan terkini di laman web ini tetapi tidak memberikan jaminan, aku janji atau representasi dalam apa jua bentuk tentang ketepatan, penyebaran, kualiti, kesempurnaan atau kesesuaian tujuannya. Pfizer menafikan semua waranti, sama ada tersurat atau tersirat setakat yang dibenarkan oleh undang-undang. Pfizer, ahli gabungannya, dan mana-mana pihak yang terlibat dalam mencipta, menghasilkan atau menaikkan laman web ini tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan, kerosakan atau sebarang kos, sama ada dalam kontrak, tort (termasuk kecuaian) atau sebaliknya yang timbul disebabkan pergantungan pada maklumat yang terkandung dalam laman web ini, akses kepada, penggunaan, atau ketidakupayaan untuk menggunakan tapak web ini, atau sebarang ralat atau ketinggalan dalam kandungannya. Limitasi ini termasuk sebarang kerugian, kerosakan atau kos yang disebabkan oleh sebarang virus yang menjangkiti peralatan komputer, perisian atau data anda.
3. **Kuki dan Privasi.** Pfizer menghormati privasi pengguna laman webnya. Sila rujuk kepada Dasar Kuki dan Dasar Privasi kami di [sini](#) yang menerangkan hak pengguna dan sebab kami boleh menggunakan sebarang data peribadi (termasuk dengan menggunakan “kuki”) yang didedahkan kepada kami melalui laman web ini.
4. **Laman Web dan Pautan Pihak Ketiga.** Laman web ini mungkin mengandungi pautan atau rujukan kepada laman web lain yang dikendalikan oleh pihak ketiga yang di luar kawalan kami. Pautan sedemikian disediakan hanya sebagai kemudahan. Begitu juga, laman web ini boleh diakses melalui pautan pihak ketiga yang berada di luar

kawalan Pfizer. Pfizer tidak memberi jaminan, aku janji atau representasi dalam apa jua bentuk tentang ketepatan, penyebaran, kualiti, kesempurnaan atau kesesuaian tujuan apa-apa maklumat yang terkandung dalam laman web tersebut dan tidak akan mempunyai liabiliti untuk apa-apa kerugian, kerosakan atau sebarang kos yang timbul daripada apa-apa maklumat. Kehadiran mana-mana pautan pihak ketiga tidak bermaksud pengendorsan atau pengesyoran oleh Pfizer.

5. **Maklumat Perubatan.** Laman web ini mungkin mengandungi maklumat yang berkaitan dengan pelbagai keadaan perubatan dan rawatannya. Bagi maklumat berkenaan, maklumat ini disediakan sebagai maklumat am sahaja dan tidak patut diambil sebagai pengganti nasihat doktor atau profesional penjagaan kesihatan bertauliah yang lain. Anda tidak patut menggunakan maklumat dalam laman web ini untuk mendiagnosis masalah kesihatan, kecergasan atau penyakit - anda perlu berunding dengan doktor atau profesional penjagaan kesihatan bertauliah yang lain.
6. **Maklumat Bukan Sulit.** Tertakluk kepada Dasar Kuki dan Dasar Privasi kami, sebarang komunikasi atau bahan lain yang anda hantar kepada Pfizer melalui internet atau dinaikkan di laman web melalui mel elektronik atau sebaliknya, seperti sebarang soalan, komen dan cadangan, adalah dan akan dianggap sebagai bukan sulit dan Pfizer tidak akan mempunyai apa-apa jenis kewajipan terhadapnya. Pfizer bebas untuk menggunakan sebarang idea, konsep, pengetahuan atau teknik yang terkandung dalam komunikasi dan bahan ini untuk apa-apa tujuan sekalipun, termasuk tetapi tidak terhad kepada, membangunkan, mengeluarkan dan memasarkan produk.
7. **Hak Harta Intelek.** Pfizer memiliki semua hak cipta, paten, hak pangkalan data, tanda dagangan, reka bentuk, pengetahuan dan maklumat sulit (sama ada berdaftar atau tidak), dan semua hak harta intelek lain yang ada dalam laman web ini dan kandungannya. Kandungan laman web ini hanya boleh disalin untuk rujukan individu bukan komersial dengan pengekalan semua hak cipta atau notis proprietari lain, dan selepas itu tidak boleh disalin semula, diterbitkan semula atau diedarkan semula dalam apa cara sekalipun. Kecuali seperti yang dibenarkan secara nyata di atas, anda tidak boleh menyalin, memaparkan, memuat turun, mengedaran, mengubah suai, mengeluarkan semula, menerbitkan semula atau menghantar semula apa-apa maklumat, teks atau dokumen yang terkandung dalam laman web ini atau mana-mana bahagian daripadanya dalam mana-mana media elektronik atau dalam salinan keras, atau mencipta sebarang karya terbitan berdasarkannya, tanpa kebenaran bertulis Pfizer yang nyata. Selain itu, nama dan logo Pfizer adalah tanda dagangan berdaftar, dan tidak boleh digunakan tanpa kebenaran bertulis Pfizer. Penyalahgunaan tanda dagangan Pfizer atau mana-mana bahan lain adalah dilarang dan mungkin melanggar undang-undang hak cipta, undang-undang tanda dagangan dan/atau undang-undang Malaysia yang lain. Sila ambil perhatian bahawa Pfizer akan menguatkuasakan hak harta inteleknya secara aktif dan agresif mengikut undang-undang sepenuhnya.
8. **Undang-undang Yang Mentadbir.** Laman web ini dan kandungannya adalah bertujuan untuk mematuhi undang-undang Malaysia. Walaupun maklumat di

laman web ini boleh diakses oleh pengguna di luar Malaysia, maklumat di laman web ini bertujuan untuk kegunaan penduduk Malaysia sahaja. Negara lain mungkin mempunyai undang-undang, keperluan kawal selia dan amalan perubatan yang berbeza daripada di Malaysia. Terma Penggunaan ini dan penggunaan laman web anda akan dikawal oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia. Mahkamah Malaysia hendaklah mempunyai bidang kuasa eksklusif ke atas sebarang pertikaian yang timbul berkaitan dengan laman web ini.

9. **Lain-lain.** Setakat mana-mana peruntukan Terma Penggunaan ini dianggap menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, maka peruntukan tersebut akan diputuskan dan dipadamkan tanpa menjaskan kebolehkuatkuasaan peruntukan yang selebihnya.

Hak Cipta © 2022 Pfizer Malaysia Sdn Bhd. Hak cipta terpelihara.